

HARI BERTEMU PELANGGAN 'BAFIN'S DAY'



Program Kewangan & Perbankan baru-baru ini telah mengadakan Hari Bertemu Pelanggan 2008 bertempat di Makmal Saham, Sekolah Perniagaan & Ekonomi pada 26 Mac 2008. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang satu hari program berlangsung antaranya simulasi makmal saham, permainan saham, dll. Upacara perasmian BAFIN's DAY telah dilakukan oleh Timb. Dekan (Akademik & HEP) Pg. Dr. Hassanal Bahar Pg. Bagul di Foyer SPE yang dihadiri oleh pensyarah-pensyarah serta pelajar-pelajar Program Kewangan & Perbankan. Menurut Penyelaras BAFIN's Day, En. Roslee Mohidin, program diadakan bagi memberi pendedahan kepada semua warga SPE berkaitan kemudahan yang disediakan khususnya memperkenalkan semula imej baru makmal saham yang telah diubah suai bagi memenuhi kehendak semasa. Majlis yang berlangsung sehari telah menerima kunjungan dari pelajar-pelajar yang merasa tertarik dengan kemudahan makmal simulasi saham yang merupakan suasana sebenar bursa saham Kuala Lumpur.